




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

1 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 490 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 248,609 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 252 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 239,582 orang. Manakala 825 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 394 orang di hospital, 418 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 15 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 18 orang merangkumi 16 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 11 (17.19%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan berubah dari zon kuning ke zon hijau, Tambunan dari zon merah ke zon jingga manakala Telupid dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Selamat menyambut Tahun Baru Cina. Tahun Harimau bermula dengan lonjakan tinggi jumlah kes harian. Hari ini, jumlah kes baharu ialah 490 kes, 123 lebih tinggi daripada semalam.
- b. Daerah Sandakan mencatatkan kes yang tertinggi dengan 141 kes, peningkatan sebanyak 67 kes berbanding semalam. Peningkatan jumlah kes baharu yang banyak di Sandakan dipengaruhi oleh jumlah Kes Bergejala yang tinggi iaitu 93 kes. Ini menandakan bahawa jangkitan ini sudah menyusup jauh dalam komuniti.
- c. Jumlah kes baharu melalui saringan simptomatik atau bergejala hari ini adalah antara yang tertinggi pernah direkodkan iaitu 251 kes atau 51.22% daripada jumlah keseluruhan jangkitan baharu Negeri Sabah.
- d. Daerah-daerah lain yang mencatatkan jangkitan baharu yang tinggi ialah Kota Kinabalu dengan 61 (-23) kes, Penampang 54 (+37) kes dan Tuaran 50 kes (jumlah sama dengan sebelumnya). Jumlah daerah yang merekodkan kes pada dua (2) angka ialah 11 daerah, 11 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan empat (4) daerah tidak mencatatkan sebarang kes baharu.
- e. Sehingga kini, terdapat 19 kluster aktif di Sabah dengan 13 daripadanya adalah kluster institusi pendidikan.
- f. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan diisyiharkan di Tawau yang melibatkan asrama MRSM Tun Mustapha, Tawau. Kluster ini dikenali sebagai Kluster Jalan Apas Batu Lima. Kes indeks merupakan seorang pelajar perempuan, tingkatan 5 berumur 18 tahun yang dikesan positif melalui Saringan Bergejala pada 26 Januari 2022. Saringan Kontak Rapat di kalangan rakan sebilik, rakan sekelas dan rakan karib telah dibuat dan mendapati seramai 11 orang lagi positif. Kesemua mereka telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.

- g. Sebagai langkah berjaga-jaga, pelajar-pelajar lain yang merupakan kontak rapat juga telah diarah untuk diasingkan walaupun setakat ini saringan tidak menunjukkan mereka dijangkiti. Punca penularan masih lagi dalam siasatan dan penilaian JKNS.
- h. Sejumlah 482 daripada 490 kes di Negeri Sabah adalah dalam Kategori 1 dan 2, manakala terdapat empat (4) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (200) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	16	3.27%
2	Kontak	200	40.82%
3	Bergejala	251	51.22%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	23	4.69%
JUMLAH		490	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (31 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 31/01/2022	Catatan Kes 1/02/2022	Perbandingan
1	Sandakan	74	141	+67
2	Penampang	17	54	+37
3	Lahad Datu	7	19	+12
4	Beaufort	10	18	+8
5	Kota Marudu	6	12	+6
6	Kudat	0	6	+6
7	Ranau	13	18	+5
8	Kinabatangan	2	5	+3
3	Pitas	1	4	+3
10	Semporna	1	4	+3
11	Tawau	25	26	+1
12	Putatan	17	18	+1
13	Papar	13	14	+1
14	Kuala Penyu	4	5	+1
15	Tenom	2	3	+1
16	Tuaran	50	50	Mendatar
17	Keningau	4	4	Mendatar
18	Kunak	3	3	Mendatar
19	Nabawan	1	1	Mendatar
20	Kalabakan	0	0	Mendatar
21	Beluran	0	0	Mendatar
22	Tongod	0	0	Mendatar
23	Kota Kinabalu	84	61	-23
24	Telupid	9	6	-3
25	Tambunan	3	1	-2
26	Sipitang	2	0	-2
27	Kota Belud	19	17	-2
JUMLAH		367	490	+123

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (18 Januari – 31 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	0	45	93	0	3	141	643
Kota Kinabalu	0	31	26	0	4	61	654
Penampang	0	23	30	0	1	54	342
Tuaran	1	35	13	0	1	50	465
Tawau	13	2	6	0	5	26	215
Lahad Datu	0	5	13	0	1	19	77
Putatan	0	3	15	0	0	18	177
Ranau	0	6	10	0	2	18	158
Beaufort	0	3	15	0	0	18	234
Kota Belud	0	13	4	0	0	17	125
Papar	0	12	2	0	0	14	212
Kota Marudu	0	8	4	0	0	12	216
Telupid	0	4	2	0	0	6	22
Kudat	0	1	4	0	1	6	29
Kuala Penyu	0	3	2	0	0	5	45
Kinabatangan	0	0	4	0	1	5	81
Keningau	2	0	2	0	0	4	71
Semporna	0	0	0	0	4	4	12
Pitas	0	2	2	0	0	4	14
Kunak	0	2	1	0	0	3	24
Tenom	0	0	3	0	0	3	45
Tambunan	0	1	0	0	0	1	31
Nabawan	0	1	0	0	0	1	3
Sipitang	0	0	0	0	0	0	35
Beluran	0	0	0	0	0	0	22
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	16	200	251	0	23	490	3,955

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Kiulu	1
Keningau	Kluster Puri Seberang Keningau	2
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	2
	Kluster Jalan Apas Batu Lima	11
Jumlah		16

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Apas Batu Lima - Tawau adalah kluster jenis institusi pendidikan yang melibatkan pelajar-pelajar asrama di MRSM Tun Mustapha. Kes indeks merupakan perempuan, 18, pelajar Tingkatan 5, yang dikesan melalui saringan bergejala pada 26 Januari 2022. Saringan terhadap kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik, rakan sekelas dan kawan karib mendapati pertambahan 11 kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 12 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin. Siasatan punca penularan masih lagi dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 3,681 unit

- Hospital 1,158 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,333 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 22.41%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 1 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	486
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	490

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Labuan	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	469
Bukan Malaysia	21
Jumlah	490

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	60
Belum Menerima Vaksin	46
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	310
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	74
Jumlah	490

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	23
6 to 11	36
12 to 17	51
18 to 25	92
26 to 59	243
>60	44
Jumlah	490

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 31 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 5,670 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,576 orang adalah penduduk dewasa dan 94 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 31 Januari 2022 adalah seramai 2,454,334 orang. Ini meliputi 2,117,004 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,268 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,357 orang atau 76.04% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,330 orang atau 77.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,911 atau 72.10% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **680,039** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak 19 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah oleh PDRM hari ini.
 - 19 Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 211 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 56 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 792 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 533 premis perniagaan dan 796 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 375 Premis Perniagaan melibatkan 149 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 30 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 64 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Beluran	98.5%
3	Kota Marudu	98.4%
4	Kinabatangan	98.3%
5	Keningau	98.3%
6	Tenom	98.3%
7	Semporna	98.3%
8	Tuaran	98.3%
9	Kota Belud	98.2%
10	Kudat	98.2%
11	Sipitang	98.2%
12	Kota Kinabalu	98.1%
13	Lahad Datu	98.1%
14	Ranau	98.1%
15	Beaufort	98.1%
16	Tawau	98%
17	Sandakan	98%
18	Papar	98%
19	Penampang	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II